

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

X MCA pilih calon

KUALA LUMPUR, Isnin — MCA kini dalam proses menyiapkan senarai calon-calon untuk dipertandingkan dalam Pilihanraya Umum akan datang.

Presidennya, Datuk Lee San Choon berkata, senarai itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional sebaik sahaja siap.

Biro Politik MCA yang dipengerusikan oleh Datuk Lee San Choon hari ini mengadakan rundingan menyusun strategi menghadapi pilihanraya.

Datuk Lee berkata, antara perkara dibincangkan termasuk calon-calon yang akan diketengahkan.

Parti tersebut mempunyai masalah memilih calon-calonnya kerana sebilangan besar ahlinya mampu dijadikan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya itu.